

23/03/2004

Johari terharu sokongan di Kubang Pasu

ALOR STAR: Datuk Johari Baharom yang berjaya mempertahankan kerusi Barisan Nasional (BN) di Parlimen Kubang Pasu, terharu dengan sokongan pengundi yang memberi kemenangan kepadanya.

Bekas Setiausaha Politik Tun Dr Mahathir Mohamad itu berkata, beliau sedar mereka meletakkan harapan tinggi kerana kawasan itu pernah diwakili bekas Perdana Menteri.

Johari berkata, kemenangannya banyak bergantung kepada Dr Mahathir dan ia adalah hadiah pengundi Kubang Pasu kepadanya.

Datuk Abdul Rahman Ibrahim pula berkata, kemenangan di Parlimen Pokok Sena sangat bererti kerana calon Pas, Mahfuz Omar yang dianggap gagah di situ akhirnya tewas.

"Kemenangan ini juga untuk semua petugas dan penyokong parti," katanya yang berehat hampir lima tahun sebelum kembali aktif dalam politik selepas tdiak dicalonkan pada pilihan raya umum 1999.

Datuk Badruddin Amiruldin yang menang Parlimen Jerai pula berterima kasih kepada pengundi yang memberi kemenangan kepada BN selepas majoriti pengundi memilih Pas pada pilihan raya sebelum ini.

"Saya sebagai wakil rakyat baru berjanji akan memberi perkhidmatan sebaik mungkin kepada rakyat seperti yang dikehendaki," katanya.

Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah yang menang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata pula berkata, kemenangan BN menunjukkan rakyat Kedah, terutama di kawasan yang diwakili wakil rakyat Pas sebelum ini mahukan perubahan.